

Praktis Pengukuhan (1)

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

kepada

di

untuk

ke

dengan

dalam

oleh

daripada

- 1 Kakak baru pulang dari London dan akan tinggal _____ sini selama sebulan.
- 2 Kambing-kambing peliharaan Pak Atan akan dihalau masuk _____ dalam kandang pada waktu petang.
- 3 Pesta Flora pada kali ini akan disertai _____ pelbagai syarikat swasta.
- 4 Pengetua sekolah telah menyampaikan hadiah _____ para pemenang pertandingan bola tampar.
- 5 Baju sejuk yang dipakai oleh adik diperbuat _____ benang bulu kambing yang berkualiti.
- 6 Puan Hanim menggunakan minyak zaitun _____ menggoreng sayur.
- 7 Munir akan pergi ke Pulau Langkawi _____ guru Bahasa Melayunya, iaitu Cikgu Tahir.
- 8 Lelaki yang bertubuh kecil itu sangat mahir _____ bidang jahitan.

Praktis Pengukuhan (2)

Pilih kata sendi nama yang betul dalam setiap ayat di bawah.

- 1 Penceramah itu sedang berceramah _____ isu pencemaran alam sekitar yang masih tiada penghujungnya. (tentang, antara)
- 2 Farid sangat gembira kerana berjaya menamatkan pelajaran dari salah sebuah universiti terbaik _____ ibu kota. (ke, di)
- 3 Encik Bakhtiar menerima kehadiran tetamu _____ Indonesia itu dengan tangan terbuka. (pada, dari)
- 4 Dermawan itulah yang disebut-sebut oleh orang ramai _____ majlis keramaian baru-baru ini. (di, dalam)
- 5 Para pelajar perlu bijak membahagikan masa _____ belajar dan bermain jika ingin berjaya dalam pelajaran. (antara, demi)
- 6 _____ hujung minggu, ramai pelancong yang datang menikmati keindahan Pulau Perhentian. (Pada, Di)